

Majlis Perwakilan Pelajar

Universiti Malaysia Kelantan 2008/2009




MOHD KAMARUL 'ARIPIN BIN KASMORI
YANG DI PERTUA



Mohd Nazri Hanapiah b. Sudin
NAIB YANG DIPERTUA



Nur Eastiharah bt. Mohd Hairin
SETIAUSAHA AGONG



Nadiah bt. Mohd Aris
BENDAHARI AGONG



Mohd Nor Azhar b. Jurainai
BIRO KOLEJ KEDIAMAN



Mohd Khairil Hazwan b. Abdul Haris
BIRO KEUSAHAWANAN
DAN PERHUBUNGAN KORPORAT



Yazid b. Othman
BIRO SUKAN DAN
REKREASI



Muhammad Termizi b. Hasni
BIRO PEMBANGUNAN NILAI
DAN INTEGRAS



Nurul Aida bt. Mohd Ghazlan
BIRO KEBAJIKAN

Pemilihan MPPUMK 2008 / 2009 Kali Pertama

PEMILIHAN Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Kelantan MPPUMK2008/2009 kali pertama diadakan berjaya mencatat sejarah apabila hampir 93 peratus pelajaranya telah keluar mengundi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dato' Dr Mortaza Mohamed berkata peratus keluar mengundi kali ini amat memberangsangkan walaupun kali pertama diadakan.

"Ini satu perkembangan positif kepada pihak Universiti dalam proses demokrasi yang diamalkan dalam pemilihan kali ini.

"Proses pemilihan dan perjalanan pengundian juga berjalan lancar tanpa sebarang gangguan dan perkara tidak diingini berlaku sepanjang pemilihan itu.

"Kami di pihak universiti juga berpuas hati dengan sokongan dan pembabitan pelajar dalam pemilihan MPPUMK kali pertama itu," katanya selepas mengumumkan keputusan pemilihan MPPUMK 2008/2009 di UMK pada 16 Oktober lalu.

Dr Mortaza juga berkata sebanyak sembilan kerusi MPP di pertandingan yang menyaksikan sebanyak tiga kerusi bagi pemilihan kawasan umum dengan 12 pencalonan manakala enam kerusi untuk fakulti iaitu masing-masing dua (2) kerusi di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).

Keputusan pengiraan undi berpihak pada pelajar Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Mohd Kamarul Aripin Kasmori berjaya meraih undi tertinggi untuk kerusi umum bagi merebut pemilihan jawatan tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (MPPUMK) 2008/2009.

Sementara itu, keputusan pemilihan kali ini menyaksikan calon yang menang dan layak menduduki kerusi perwakilan bagi FASA ialah Nur Eastiharah Mohamad Hairin yang mendapat undi sebanyak 109 dan Nadiah Mohd Aris memperolehi undi sebanyak 94 undi.

Empat kerusi di dua fakulti lagi calon menang tanpa bertanding iaitu bagi kerusi FKP ialah Mohd Khairil Hazwan Abdul Haris dan Nurul Aida Mohd Ghazlan. Manakala, bagi kerusi FTKW milik Yazid Othman dan Mohd Nor Azhar Jurainai.

Manakala dua lagi calon kerusi umum yang turut melayakkan diri ialah Mohd Nazri Hanapiah Sudin dengan 258 undi dan Muhammad Termizi Hasni 165 undi, masing-masing adalah graduan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).



Pelajar UMK kali pertama mengundi untuk pemilihan MPPUMK 2008/2009.



Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Kelantan 2008/2009.



BIL.2 • Julai-Dis. 2008

ISSN 1985 - 5451



BULETIN Teraju

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

www.umk.edu.my




UMK GEMILANG DIBAWAH NAUNGAN TUANKU CANSELOR



ISSN 1985-5451

9 771985 545008



TAJUK • TERAJU
EDISI JULAI-DISEMBER
KONSEP PUSAT HUBUNGAN KOPORAT
DAN STRATEGIK

PENGURUSAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

NAIB CANSELOR

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Mortaza Mohamed

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Akademik dan Antarabangsa
Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya

PEMANGKU PENDAFTAR

Mej. Pauzi Pak Chu

TIMBALAN BENDAHARI

Mohd. Yusri Awang

KETUA PUSTAKAWAN

Azman Hashim

SIDANG EDITORIAL

KETUA EDITOR

Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat & Strategik

EDITOR/PRUF

Cik Faidzah Shah Rum
Pegawai Perhubungan Awam

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Ab. Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latif
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Prof. Dr. Wan Salihin Wong Abdullah
Pengarah Pusat Pengurusan dan Pembangunan Akademik

WARTAWAN

Syairimie Wosley

FOTOGRAFI

Mohd Al Azam Mat Razi

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGKU :
PUSAT HUBUNGAN KOPORAT DAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan.

E-mail : korporat@umk.edu.
Telephone : +609 - 771 7000
Fax : +609 - 771 7022
Website : <http://www.umk.edu.my>

Sekapur Sireh Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Saya merakamkan sekalung tahniah kepada staf baru dan selamat datang sebagai warga Universiti Malaysia Kelantan. Anda antara mereka yang secara sukarela memohon ingin bersama Universiti dan sebagai warga kampus ini anda perlu faham perkara yang perlu diikuti untuk diberi perhatian dan dihormati.

Boleh dikatakan kita ke sini untuk mencari rezeki dan pada masa yang sama perlu mengembangkan budaya kerja yang endah untuk Universiti ini terus bertapak dan berdiri teguh dari awal operasinya hingga akhir hayatnya.

Kita semua, sama ada yang baru dan lama, hendaklah memberi komitmen yang tinggi kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

UMK sudah mencapai pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang sebagai Universiti yang menjadi perintis dalam pendidikan keusahawanan. Kita telah memulakannya sebagai sebuah Universiti pertama di negara ini yang berteraskan keusahawanan.

Dalam tempoh menjangkau dua tahun operasinya kita telah berjaya melakar sejarah tersendiri ibarat kata orang, "ikut resmi padi makin tunduk makin berisi, makin lama makin menjadi"- ungkapan ini amat bertepatan dengan kejayaan kita kecapi dalam usia yang muda itu.

Begitu juga dengan BULETIN TERAJU yang kini sudah memasuki edisi kedua penerbitannya yang sarat dengan info dan maklumat sebagai risalah pendokong cicit-cita dan transformasi dalam menerajui program pembelajaran berteraskan keusahawanan serta perniagaan.

Kita juga menjunjung kasih kepada Ke-Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra yang telah berkenan dimasyhurkan sebagai Tuanku Canselor UMK. Pemasyhuran Tuanku Canselor menjadi satu kebanggaan buat warga Universiti di samping mengukir satu lembaran baru dalam sejarah Universiti ini.

Akhir kalam, saranan saya kepada semua staf perlulah bekerja dengan pro-aktif dan pikul amanah serta tanggungjawab untuk mencemerlangkan kepada organisasi kita. Saya mewakili Universiti dan sidang redaksi mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijrah 1430 dan Tahun Baru 2009.

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed



Golf Amal Sempena Pemasyhuran Tuanku Canselor UMK

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) telah menganjurkan satu Pertandingan Golf Amal Bersempena dengan Istiadat Pemasyhuran Tuanku Ismail Petra Ibni AlMarhum Sultan Yahya Petra, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Kelantan Darulnaim sebagai Canselor Universiti Malaysia Kelantan pada 25 Oktober 2008 lalu.

Program yang diadakan ini juga merupakan salah satu aktiviti promosi untuk mewar-warkan kemudahan dan program yang ditawarkan di UMK kepada usahawan dan bakal usahawan serta komuniti yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan terutamanya masyarakat usahawan setempat.

Menerusi pertandingan golf ini juga secara tidak langsung memberi peluang mempertemukan komuniti usahawan tempatan dalam satu aktiviti sosial. Sukan Golf merupakan aktiviti riadah dan 'networking' yang digemari dan melibatkan pelbagai peringkat umur, kebolehan dan profesion termasuk usahawan. Semasa pertandingan, semua komuniti usahawan boleh berinteraksi untuk bertukar dan berkongsi maklumat keusahawanan.

Selain itu, kejohanan golf sambil beramal ini juga akan mengumpul sumbangan yang akan disalurkan kepada Tabung Pembangunan Pelajar UMK dan sumbangan kepada anak yatim.

Pertandingan yang bermula jam 7.30 pagi turut diperkenankan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra Ibni Sultan Ismail Petra selaku penaung. Kejohanan tersebut telah diadakan di lapangan Kelantan Golf and Country Club (KGCC), Pengkalan Chepa, Kelantan.

Pelbagai hadiah menarik ditawarkan pada pertandingan itu termasuk sebuah kereta untuk hadiah hole-in-one dan pelbagai hadiah lain pada pertandingan julung kali dianjurkan oleh UMK.

Setiap peserta yang mengambil bahagian perlu membuat sumbangan amal sebanyak RM600.00 (individu) manakala sumbangan untuk kumpulan dari organisasi untuk empat peserta sebanyak RM2000.00.

Penganjuran Kejohanan Golf Amal Sempena Pemasyhuran Tuanku Canselor UMK kali pertama menerima sambutan



Kejohanan Golf Antara Universiti Ke 36

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) muncul juara dalam kategori Gross Berpasukan VIP pada Kejohanan Golf Antara Universiti Awam ke-36 dan sempena sambutan Jubli Perak Ke-25 penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), pada 12 dan 13 Julai 2008 lalu.

Barisan Gross Berpasukan VIP UMK diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Azizul Halim Yahya dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Y.B Dato' Haji Mohd Aiseri Alias.

Pasukan VIP UMK mempamerkan aksi cemerlang sepanjang pertandingan dua hari itu telah berjaya membawa balik Piala Pusingan Tuanku Canselor UTHM dan hadiah bernilai RM1000.00 bagi kategori VIP Pasukan Gross Terbaik yang dipertandingkan.

Kejohanan golf berprestij yang membabitkan penyertaan 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah berlangsung di tiga lokasi utama iaitu Templer Park Country Club (TPCC); Perangsang Templer Golf Club (PTGC); dan Tasik Puteri Golf and Country Club (TPGCC), di Rawang, Selangor.



Naib Canselor, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed bersama pasukan VIP UMK menerima piala pusingan dan hadiah berupa wang tunai RM1,000.

Entrepreneurship Is Our Thrust



UMK LANCAR SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU (IMS)

JTMK dan IKCM berganding bahu bagi mengwujudkan persekitaran informatif dan bermaklumat di UMK.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK), kini dilengkapi dengan satu Sistem Maklumat Bersepadu atau lebih dikenali IMS yang telah berjaya dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dengan kerjasama Integrated Knowledge and Campus Management Sdn Bhd (IKCM).

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata IMS ini direka untuk menyokong dan meningkatkan kualiti perkhidmatan institusi pendidikan dengan penuh komprehensif dan bersepadu.

"Fungsi IMS adalah gabungan lima sistem utama yang dinamik dimana dapat membekalkan sistem 'layan diri' dan menguruskan sistem pendidikan," katanya semasa perasmian Majlis Penyerahan dan Pelancaran Sistem Maklumat Bersepadu (IMS) di UMK pada 23 Oktober lalu.

"Penggunaan sistem ini adalah selaras dengan

Majlis Mesra Aidilfitri JPP/UMK 2008

SEMPENA kedatangan bulan Syawal lalu, satu Majlis Mesra Aidilfitri 2008 anjuran bersama Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPP) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaku tuan rumah telah diadakan pada 12 Oktober 2008 bersamaan 12 Syawal 1429 Hijrah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B Dato' Mustapha Mohamed ketika berucap pada majlis itu berkata berdasarkan kepada sambutan meriah yang diterima oleh seluruh kakitangan awam yang berkhidmat di negeri ini jelas bahawa program seumpama ini mampu mentransformasikan dan merapatkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. "Pada tahun ini kita memilih UMK selaku tuan rumah untuk membolehkan tetamu yang terdiri daripada penjawat awam, pemimpin masyarakat dan orang ramai dapat mengenali institusi awam ke 19 ini secara lebih dekat dan secara tidak langsung menjalankan hubungan antara kakitangan kerajaan dan warga kampus UMK.

"Seperti kita maklum, UMK walaupun baru berusia setahun kini sudah menjadi kebanggaan rakyat negeri ini dan tamiah kepada semua warga dan kakitangannya kerana dalam tempoh yang singkat Universiti ini dapat dibangunkan," jelasnya dalam ucapan beliau selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan (MTPNg) Bil 3/2008 dan Majlis Mesra Aidilfitri 2008 di UMK, baru-baru ini. Turut hadir pada majlis tersebut ialah



Dato' Mustapha dan Prof. Ir. Dr. Zainai bermesra dengan pelajar dan tetamu UMK.

Pengarah JPPK, Y.Bhg. Dato' Haji Shukry Mohd Salleh; Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Y.Bhg. Dato' Aiseri Alias; Ketua Pengarah ICU (Jabatan Perdana Menteri), Tan Sri Khalil Ramly; Pengurus Lembaga Pengurusan Universiti, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman; Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan; Ahli Majlis Mesyuarat MTPNg dan Ahli Lembaga Pengurusan Universiti UMK.

perancangan Universiti yang meletakkan ICT sebagai pemudahcara atau 'ICT as enabler' di dalam tadbir urus, Pengajaran & Pembelajaran di Universiti.

"Ini juga sejahter dengan objektif Universiti untuk menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan Universiti bertaraf dunia.

"Dengan penyerahan dan pelancaran sistem ini diharap dapat memudahkan tadbir urus Universiti di dalam pengurusan staf dan pelajar, memudahkan penyimpanan rekod, pemprosesan maklumat untuk dijadikan statistik dan peramalan bagi membuat perancangan serta keputusan.

"Sistem ini juga diharap dapat membantu staf mencapai maklumat yang betul dan sahih tanpa perlu lagi membuka serta menyemak fail secara manual. Proses integrasi dengan sistem-sistem yang lain seperti SAGA juga dapat dijalankan. Melalui IMS juga boleh berfungsi dalam mengwujudkan persekitaran informatif iaitu persekitaran bermaklumat di kalangan kakitangan Universiti mahupun pelajar," katanya.

Sistem Maklumat Bersepadu yang digunakan oleh UMK memiliki lima fungsi sistem utama iaitu e-community, maklumat pelajar, kewangan, pengurusan sumber manusia dan pentadbiran.

UMK Terima 330 Pelajar Baru Sesi 2008/2009



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) menerima 330 pelajar baru untuk pengajian sesi 2008/2009 pada 29 Jun lalu.

Jumlah itu terdiri daripada 126 pelajar yang mengikuti program pengajian di Fakulti Keusahawanhan dan Perniagaan (FKP), 116 pelajar di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) manakala Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) seramai 88 pelajar.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata menerusi pengambilan pelajar baru itu UMK kini memiliki seramai 624 pelajar pada tahun kedua beroperasi.

"Pada tahun ini UMK turut memperkenalkan empat lagi kursus baru bagi pengajian sesi akademik 2008/2009 untuk program di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu Keusahawanhan Pelancongan, Keusahawanhan Perdagangan, Sains Gunan (Sains Penternakan), dan Teknologi Bioindustri.

"Empat kursus ini ditawarkan bagi memberi kesan

positif untuk menarik minat pelajar dan nafas baru kepada UMK di samping bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk meningkatkan bidang industri dan pertanian negara," ujar beliau semasa memberi taklimat kepada ibubapa pelajar baru Sesi 2008/2009 sempena Minggu Mesra Mahasiswa (3M), di UMK.

Sementara itu, beliau juga turut menafikan mengenai persepsi masyarakat bahawa UMK mempunyai kuota khusus bagi anak Kelantan.

"Tiada istilah kuota istimewa untuk mereka yang berasal dari negeri ini dalam setiap pengambilan pelajar baru kerana UMK terbuka kepada semua tidak semestinya ia hanya untuk orang Kelantan.

"Adalah lebih baik mereka yang berasal dari negeri ini mengambil peluang belajar di luar Kelantan atau di tempat lain kerana seperti kata pepatah lama "Jauh berjalan luas pandangan", katanya.

UNIVERSITI BUKAN DIUKUR PADA SAIZ TETAPI ILMUNYA – TNC

TIMBALAN Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed menegaskan bahawa jangan mengukur sesebuah Universiti itu pada saiz dan ukurannya tetapi pelajar hendaklah melihat ilmu yang terkandung di dalamnya.

"Jangan pandang Universiti dengan saiznya tetapi dengan ilmunya untuk kita melaksanakan sesuatu yang baik dan bermanfaat untuk kembali memberi sumbangan kepada masyarakat. Benicap dalam Taklimat "Cintai Negara" sempena Minggu Mesra Mahasiswa (3M) UMK Sesi 2008/2009, di kampus UMK, Taman BendaHara, Pengkalan Chepa, pada 2 Julai 2008 lalu beliau turut menjelaskan secara terperinci mengenai sejarah Malaysia menerusi foto-foto dan rakaman peristiwa yang berlaku

bagi mengimbau semula perjuangan pemimpin terdahulu.

"Hasrat kita adalah untuk kita mencintai negara dan bukannya mementingkan diri sendiri. Inilah situasi sebenar yang berlaku dalam pembangunan pengajian tinggi hari ini. Saya cukup sedih kerana mereka yang masuk Universiti hanya mementingkan ijazah semata-mata dan bukannya ilmu.

"Universiti adalah untuk rakyat iaitu tempat untuk kita belajar dan memberi sumbangan pada masyarakat. Kepentingan diri kita adalah nomboi dua dan keutamaan kita ialah masyarakat.

"Disinilah tempat yang terbaik untuk kita beri sumbangan pada negara terutamanya Universiti awam yang dibiayai oleh rakyat dan keringat rakyat. Janganlah saudara-saudari hanya pentingkan diri sendiri," katanya.





BARISAN HADAPAN DARI KIRI: Pengurus LPU, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman (Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad); Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin; Tuanku Canselor UMK, KDYMM Tuanku Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra; Raja Perempuan Kelantan, DYMM Tengku Anis binti Almarhum Tengku Abdul Hamid dan Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed.

DARI BELAKANG: Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed; Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Dr. Ramli Hassan; Ahli Perniagaan dan Mantan Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Maybank Berhad, Y.Bhg. Dato' Mohammed Hussein; Pengarah Urusan Microsoft (Malaysia), Puan Yasmin Mahmood; Ketua Seksyen Bahagian Dasar Saran, Wang Awam & Khidmat Pengurusan, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Puan Hazanah A.Bakar; Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Aiseri Alias; Ahli Lembaga Juru Uruk Malaysia; Y.Bhg. Dato' Haji Md Alwi Haji Che Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya dan Pemangku Pendaftar UMK, Y.Bhg. Mejaz Paiz Pak Chu.

Pemasyhuran Tuanku Canselor UMK LAKAR SEJARAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) melakar sejarah tersendiri dengan Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra sebagai Tuanku Canselor Pertama Universiti.

Majlis Istiadat Permasyhuran Tuanku Canselor (MIPTC) ini telah berlangsung pada 10 Ogos 2008 dalam suasana penuh gilang-gemilang dan mengikut adat istiadat tradisi di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan.

Majlis ini bagi menzahirkan Baginda Tuanku sebagai Tuanku Canselor selepas mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, yang berkuat kuasa pada 8 Mei 2007.

Majlis dimulakan dengan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor dan Raja Perempuan Kelantan Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis Binti Almarhum Tengku Abdul Hamid, kira-kira jam 10 pagi.

Kemudian diiringi perarakan besar masuk ke Dewan mengikut susunan yang dimulakan dengan kakitangan akademik, pegawai kanan, ahli senat, Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor dan Rektor Universiti-universiti di Malaysia.

Majlis diteruskan dengan lagu "Selamat Sultan" dan "Negaraku" serta bacaan doa dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran sebagai pemula acara pada program tersebut.

Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed mengisyiharkan tujuan dan permulaan majlis dengan menyampaikan Pidato Khas dan Pemasyhuran Baginda sebagai Tuanku Canselor Universiti Malaysia Kelantan.

Kemuncak majlis tersebut ialah Tuanku Canselor menerima perlantikan dan menyentuh Cokmar dengan ucapan Sembah Tahniah oleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin.

Bagi menyempurnakan majlis Naib Canselor telah menyampaikan ucapan aluan dan diiringi oleh ucapan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia kemudian diakhiri dengan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor.



KDYMM Tuanku Ismail Petra memperkenankan cokmar UMK.



Maybank Sumbang Dana RM4 Juta Tubuh Kursi Profesor Keusahawanan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) melakar sejarah ulung dalam institusi pendidikan negara apabila diberi kepercayaan oleh sebuah syarikat kewangan terkemuka tanah air dengan menerima suntikan dana berjumlah RM4 juta bagi mengwujudkan Kursi Profesor Keusahawanan Maybank-UMK yang pertama seumpamanya di negara ini.

UMK menerima dana untuk Kursi tersebut daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Dato' Seri Abdul Wahid Omar yang menyerahkan cek tersebut kepada Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed di majlis Chairman Lecture Series 6 (CLS 6), di sebuah hotel, pada 19 Oktober lalu.

Menurut Pengurus Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), Tan Sri Datuk Hamad Kama Piah Che Othman menerusi dana yang disediakan itu UMK akan menubuhkan Kursi Profesor Keusahawanan UMK bagi melantik seorang profesor yang pakar dalam akademik dan bidang keusahawanan itu.

"Walaupun UMK masih berusia setahun jagung namun kita amat bertuah dan berterima kasih kepada Maybank kerana sudi untuk bersama-sama menyokong mengwujudkan kursi yang menjadi teras dan pendekatan UMK berbanding dengan IPTA lain.

"Untuk kursi profesor ini adalah kali pertama UMK mendapat penajaan untuk melantik seorang profesor yang berkebolehan dalam bidang keusahawanan yang



Naib Canselor, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed menerima mock-cheque berjumlah RM4 juta bagi penubuhan Kursi Profesor Keusahawanan Maybank-UMK daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Dato' Seri Abdul Wahid.

mempunyai pengalaman luas dalam akademik dan praktikal serta bukan hanya bergantung kepada teori semata-mata.

"Menerusi kursi tersebut bukan sahaja mengenangkan pelajar tetapi ia boleh membantu membangun, mengembangkan dan membentuk budaya keusahawanan kepada pensyarah, warga Universiti dan masyarakat setempat," katanya kepada pemberita semasa sidang media selepas majlis CLS 6, baru-baru ini.

Tan Sri Datuk Hamad Kama Piah juga berharap dana yang disumbangkan itu dapat digunakan oleh UMK dalam bentuk 'Endowment' yang akan merangkumi sebagai perbelanjaan modal, operasi dan keuntungan yang dijangka akan digunakan sepenuhnya untuk tempoh jangkamasa empat setengah tahun.

CABARAN KREATIVITI UMK 2008

MENYEDARI kamampuan untuk melahirkan Modal Insan kelas pertama dengan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan berinovasi dapat direalisasikan satu "Pertandingan Cabaran Kreativiti Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 2008" telah dianjurkan bagi menyahut sembilan cabaran utama dalam Wawasan 2020.

Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Prof Madya Dr. Mohamad Dahlani Ibrahim berkata pertandingan seumpama ini sebenarnya bertujuan untuk mencari dan mencungkil bakat-bakat yang berada di sekolah rendah,



Pertandingan Cabaran Kreativiti UMK 2008 menerima tajaan daripada CIMB Islamic Bank sebagai tanda sokongan.

menengah serta pelajar mahasiswa UMK itu sendiri.

"Ini bagi mengenal pasti tahap kreativiti yang ada pada mereka berdasarkan kepada keusahawanan dan perniagaan yang seharusnya kita perlu terapkan kepada pelajar sekolah dan graduan untuk mereka lebih bersifat kreatif serta berinovasi.

"Apabila ada kreativiti yang boleh dilahirkan secara tidak langsung ini dapat memupuk budaya keusahawanan serta melahirkan generasi yang lebih kreatif dan inovatif pada masa akan datang.

"Cabaran pada pertandingan ini mempunyai konsep yang mudah di mana setiap penyertaan di peringkat sekolah rendah dan menengah mereka perlu mengenal pasti bahan terbuang yang diperolehi secara percuma (zero-cost).

"Setiap peserta menggunakan bahan-bahan berkenaan untuk dijadikan produk yang mempunyai nilai komersial contohnya mengumpulkan straw untuk membuat produk bakul, topi, dan sebagainya," jelasnya kepada pemberita dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Mock-Cheque dan Kain Rentang Sempena Program Cabaran Kreativiti Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di Bilik Kuliah 2 UMK, baru-baru ini.

Tambah Prof. Dahlani, objektif pertandingan mampu merealisasikan visi dan misi UMK untuk menjadi peneraju modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

Chairman Lecture Series Menggilap Kualiti Keusahawanan Ke Arah Kecemerlangan

KEARAH menyahut saranan Kerajaan membangunkan Modal Insan Kelas Pertama, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengambil inisiatif menganjurkan program wacana ilmu, Chairman Lecture Series (CLS). Program tertinggi UMK yang berteraskan kepada pembangunan pendidikan berteraskan keusahawanan kepada masyarakat ini lahir dari cetusan idea Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman.

Program CLS ini bukan hanya menawarkan proses pembelajaran dari segi teori semata-mata malah turut menginterpretasikan perkongsian pengalaman dan idea dari pakar-pakar serta tokoh-tokoh terkenal untuk dikongsi bersama dengan warga Universiti dan masyarakat setempat amnya.

Tepat dengan moto UMK, 'Entrepreneurship is Our Thrust', pengajian program seumpama ini dalam menjadikan usaha Universiti ini untuk mendekati dan seterusnya mendidik masyarakat mengenai konsep sebenar mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang keusahawanan akan tercapai.

UMK adalah Universiti pertama yang menawarkan sepenuhnya program berteraskan Keusahawanan dalam setiap program pengajiannya. Justeru, pendekatan dari segi etika dan praktikal yang diperlakukan dalam proses pengajaran dan pembelajarannya diharap akan menjadi pemangkin kepada paksi kejayaan golongan yang ingin, sedang mahupun mula berjinak-jinak dalam bidang tersebut.

Rentetan itulah, CLS boleh dianggap sebagai suatu saluran dalam usaha perolehan ilmu yang bermanfaat, melibatkan mereka yang mahir dalam bidang masing-masing dan bersedia berkongsi pengalaman serta membuka perspektif yang realistik berkaitan peluang dan cabaran khususnya dalam keusahawanan, kepimpinan dan dunia korporat masa kini.

Yang pasti, pengajian CLS memainkan peranan penting dalam memenuhi dan melengkapi komponen pengisian kepada 'First Year Experience' (FYE) kepada para mahasiswa Universiti. Dengan kata lain apa yang akan diperolehi oleh para pelajar ini ialah perolehan maklumat secara telus kearah pengalaman 'ENTREPRENEURSHIP' seiring mencapai visi dan misi Universiti ini dalam melahirkan Modal Insan bercirikan keusahawanan. Menariknya, program yang dianjurkan ini akan memberi pendedahan kepada mahasiswa dan kakitangan Universiti melalui perkongsian pemikiran serta pengalaman di dalam sesuatu industri selain mewujudkan peluang dan jalinan kerjasama antara UMK dan pihak industri sendiri secara langsung.

Antara tokoh dan individu yang telah menyampaikan siri ceramah dalam program CLS ini ialah Pengerusi Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOB), Y.Bhg. Dato' Sabri Ahmad; Ketua Eksekutif Kumpulan Perbadanan Johor Corporation Berhad, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim; Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) E-Lock Corporation Sdn Bhd, Dr. Ken Leong; Presiden dan CEO Takaful Ikhlas Sdn Bhd, Tuan Haji Syed Moheeb Syed Kamaruzaman; Pengarah Urusan Kumpulan Chemical Company Of Malaysia Berhad, Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin dan Presiden dan CEO Maybank Berhad, Y.Bhg. Dato' Sri Abdul Wahid Omar.



"...Program Chairman Lecture Series (CLS) merupakan cetusan idea Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantam..."

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Bin Che Othman

TOKOH KORPORAT : PENCERAMAH CLS 2008

Y.Bhg. Dato' Sabri Ahmad
Pengerusi
Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim
Ketua Eksekutif
Kumpulan Johor Corporation Berhad

Dr. Ken Leong
Pengasas dan CEO
e-Lock Corporation Sdn. Bhd.

Tuan Hj. Syed Moheeb Syed Kamaruzaman
Presiden dan CEO
Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
Pengarah Urusan
Kumpulan Chemical Company Of Malaysia Berhad

Y.Bhg. Dato' Seri Abdul Wahid Omar
Presiden dan CEO
Maybank Berhad

TOKOH PENCERAMAH CLS AKAN DATANG 2009

Dato' Seri Anthony Francis Fernandes
CEO Kumpulan Air Asia Berhad

Dato' Datuk Mohamed Azahari Kamil
CEO Asian Finance Bank Berhad

PENCERAMAH CLS AKAN DATANG 2009

TARIKH	SIRI PROGRAM BAGI UMK · CHAIRMAN LECTURE SERIES	TEMA
17 Januari 2009 (CLS 7)	Y.Bhg. Dato' Datuk Mohamed Azahari Kamil CEO Asian Finance Bank Berhad	Pengurusan Aset dan Keusahawanan Korporat
Mac (CLS Akan Datang)	Prof. Rosdi Abdul Rahman Profesor Pelawat Universiti Malaysia Kelantan	Penjenamaan dan Keusahawanan Kreatif



MAJLIS SANTAPAN MALAM TUANKU CANSELOR DAN MAJLIS PELANCARAN BUKU LOJING

*"Unveiling The Treasures of South Kelantan"
Oleh Tuanku Canselor UMK*

USAHA penyelidikan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam membongkar rahsia alam di Tanah Tinggi Lojing menerima pujian daripada Tuanku Canselor UMK, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, bagi menjamin halatuju dan masa depan kawasan tanah tinggi tersebut.

Baginda Tuanku turut gembira dan berbangga di atas pencapaian UMK sepanjang tempoh penubuhannya walaupun Universiti itu masih baru beroperasi.


"Usaha penyelidikan serta penerokaan itu telah membuktikan bahawa UMK mampu mengorak langkah untuk meletakkan dirinya setanding dengan institusi pengajian tinggi awam yang lain.

"Beta juga berbesar hati kerana menerusi kejayaan hasil penyelidikan itu UMK berjaya menerbitkan buku mengenai penemuan yang terdapat di kawasan tanah tinggi tersebut," titah baginda semasa berkenan menyempurnakan Majlis Santapan Malam Bersama Tuanku Canselor dan pelancaran buku "Lojing: Unveiling The Treasures of South Kelantan", di sebuah hotel di Kota Bharu, pada 1 Disember 2008.

Turut hadir pada majlis itu, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Binti Almarhum Tengku Abdul Hamid, Paduka Anakanda Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Puteri Binti Sultan Ismail Petra dan Pengerusi UMK, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman.

Pada majlis sama, DYMM Tengku Anis turut berkenan menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang UMK 2007 kepada lima kakitangan perintis Universiti yang terpilih dan telah berkhidmat sepanjang tempoh penubuhan UMK.

Penerima anugerah khidmat cemerlang itu ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah Unit Islam dan Pembangunan




KDYMM Tuanku Canselor menyempurnakan majlis pelancaran buku hasil penyelidikan di Tanah Tinggi Lojing.

Nilai, Mohd Zain Mubarak; Penolong Bendahari, Wan Noor Azimah Wan Muhammad; Penolong Pendaftar Jabatan Canselor, Nor Edawani Shamsuddin; Pembantu Tadbir Pekerjaan dan Operasi Kanan Jabatan Pendaftar, Norlia Abdul Rahman dan Pemandu di Jabatan Canselor, Rosli Md. Daud.



Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed bersama lima penerima Anugerah Khidmat Cemerlang UMK 2007.



Dato' Dr. Mortaza Optimis Jayakan Visi dan Misi UMK

BULETIN Teraju diberi kesempatan untuk menyingkap rahsia orang nombor dua Universiti Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Profesor Dato' Dr. Haji Mortaza Mohamed. Beliau yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat untuk memastikan pelan penubuhan UMK sebagai sebuah komuniti Universiti berteraskan keusahawanan berjaya direalisasikan.

Dengan kata lain, beliau yang lebih mesra dengan panggilan Dato' M berusaha keras untuk membina sebuah komuniti yang mana bukan sahaja komuniti biasa tetapi komuniti yang sentiasa mengejar dan mencari ilmu pengetahuan.

Seterusnya juga melibatkan pembangunan sosial, di mana para lepasan Universiti akan dikumpul menjadi satu komuniti dan diurus ke arah interaksi dinamik di antara mereka bagi mencapai matlamat, misi dan visi Universiti.

Menurutnya, selaku TNC tugasannya bermula dengan pembangunan pelajar, sistem pengurusan, proses dan produser, kewangan termasuklah bajet dan perbelanjaan, infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan.

"Malah, tugas untuk mana-mana bahagian tiada dalam istilah kamus hidup saya. Kadangkala kita perlu berurusan terus dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan terpaksa menjadualkan semula aktiviti mingguan."



"Saya tidak dapat membezakan jadual kerja harian dan hujung minggu. Ini kerana saya perlu mengikuti jadual aktiviti pelajar yang kadangkala di luar waktu pejabat mahupun pada cuti hujung minggu."

"Apa yang telah saya lakukan sehingga hari ini ialah untuk menyediakan kemudahan dan pembangunan pelajar sejajar dengan keperluan UMK. Kerja-kerja menyiapkan penempatan pelajar sedang berjalan lancar bagi memenuhi keperluan sehingga tahun 2010 dan 2011 serta seterusnya," katanya.

Pada masa yang sama, beliau turut berbangga dengan inisiatif pihak UMK yang telah menubuhkan dua program iaitu "The University Enterprise" dan "Community Outreach".

"Inilah keistimewaan UMK, pelajar Keusahawanan di beri kebenaran untuk menjalankan perniagaan sendiri sekaligus membantu dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran. Manakala bagi program khidmat masyarakat (community outreach), para pelajar akan ditempatkan dalam masyarakat setempat, bergabung tenaga untuk kebaikan bersama."

"Selain daripada itu kelab dan persatuan telah juga ditubuhkan. Penubuhan kelab ini akan menyumbang pelbagai aktiviti dan dinamisma dalam komuniti pelajar UMK," katanya.

Apa yang menjadi harapan terakhir beliau ialah untuk memenangi hati dan minda pelajar dalam mencapai matlamat dan objektif Universiti berkongsi visi dan misi Universiti untuk mereka berjuang demi negara ini dengan hati yang ikhlas.

Graduan UMK Disaran Merintis Peluang Ekonomi



TIMBALAN NAIB CANSELOR (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Dato' Dr. Mortaza Mohamed memberi saranan kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan merintis peluang ekonomi dalam mengwujudkan peluang pekerjaan sebagai mewarisi semangat perjuangan terdahulu.

Menurut beliau, bahawa tujuan utama sambutan kemerdekaan ini diadakan untuk kita menghayati maksud sebenar merdeka supaya menimbulkan rasa insaf dan kesedaran kepada kita bahawa kemerdekaan adalah sebuah perjuangan.

"Setiap perjuangan itu janganlah malap dan kita perlu sentiasa hidupkan perjuangan itu dalam diri kita. Walaupun makna kemerdekaan mungkin berbeza bagi setiap individu itu namun apa yang paling penting kemerdekaan ialah untuk kita dapatkan satu formula untuk bersama-sama hidup dan maju dalam sebuah negara," katanya semasa menyampaikan ucapan aluan sempena Program Sambutan Malam Ambang Merdeka, di Dataran Usahawan UMK, pada 30 Ogos lalu.

LINTAH BERI PULANGAN LUMAYAN

SERAAMAI 50 peserta menghadiri kursus ternakan lintah anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pada 24 hingga 25 November lalu.

Lintah atau nama saintifiknya Hirudinea sp. telah dikenalpasti mempunyai nilai komersial dan permintaan tinggi di pasaran kerana spesis haiwan bendang ini digunakan untuk kosmetik dan industri perubatan.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed, berkata kursus ternakan lintah dianjurkan bertujuan untuk memperbaiki pendedahan dan melatih peserta supaya mampu mengusahakan sendiri ternakan lintah sebagai sumber pendapatan.

"Kursus ternakan lintah yang julung kali di adakan ini adalah bertujuan untuk pihak Universiti berkongsi pengalaman, ilmu dan teknologi baru kepada masyarakat setempat selain daripada kita mendidik para pelajar."

Program selama dua hari itu memberi pendedahan dan latihan kepada peserta seperti pembentangan kertas kerja bertajuk "Biologi, Ekologi dan Prospek Lintah Sebagai Satu Perniagaan"; demonstrasi ternakan dan pemeliharaan lintah; penghasilan produk berdasarkan lintah; bantuan kewangan dan lawatan ke kolam ternakan lintah.



Tabur Budi di Gerak Mesra Mahasiswa UMK 2008

DALAM usaha untuk merealisasikan program khidmat masyarakat dengan jayanya satu Program yang dinamakan Gerak Mesra Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berlangsung di Kampung Batu Gajah, Jeli, pada 16 Ogos 2008 lalu.

Menurut Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar (HEP), Mohd Adzwan Kamaruzaman, Program Khidmat Masyarakat ini mempunyai banyak manfaatnya dimana pelajar diterapkan pelbagai aktiviti dengan semangat kemasyarakatan.

"Menerusi program ini juga pelajar di dedahkan dengan pelbagai kemahiran dan pengurusan bagi menonjolkan bakat kepimpinan dan secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka bergaul mesra serta merasai pengalaman berharga mengenai kehidupan komuniti di kawasan luar bandar."

Seramai 42 orang mahasiswa dan lima kakitangan UMK terlibat dalam program yang turut mendapat kerjasama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Jawatankuasa Masjid kampung Batu Gajah.




Warga UMK PERLU AMAL BUDAYA ENDAH

NAIB CANSELOR Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed menyeru kepada semua staf UMK agar mengamalkan budaya kerja proaktif dan komited untuk melaksanakan tiga asas tugas utama penubuhan Universiti.

Tiga tugas utama penubuhan sesebuah Universiti itu ialah pengajaran dan pembelajaran; penyelidikan dan pembangunan; pemuliharaan ilmu dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Beliau turut menasihatkan mereka supaya mengubah budaya kerja dengan lebih bertanggungjawab kepada skop tugas masing-masing untuk menjayakan dan membangunkan UMK. "Mereka hendaklah bersikap endah atau dalam bahasa lebih mudah iaitu cakna yang akan dapat meningkatkan keyakinan serta kecekapan pekerja untuk tindakan penambahbaikan sistem perkhidmatan yang lebih cemerlang.

"Janganlah pula kita menjadi seronok bila balik bekerja di Kelantan dan lupa akan tanggungjawab yang akan menyebabkan kita mengabaikan tugas kita.



Amanat bulanan oleh Naib Canselor.

Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed dan warga UMK bersemangat melakukan senaman aerobik dan tarian poco-poco.

Sebagai kakitangan seharusnya perlu membalas kepercayaan dan penghargaan dengan meningkatkan produktiviti dan kualiti bekerja dengan lebih cekap dan gigih.

"Kita ada tanggungjawab dan hak masing-masing sebagai kaedah kerja untuk mencapai objektif, visi dan misi penubuhan UMK. Kita perlu faham visi dan objektif kita hendak capai dengan selalu menambah nilai pada kerja dengan menyediakan satu perubahan," katanya pada perhimpunan bulanan bersama Naib Canselor, pada 2 November

2008 lalu. Pada majlis itu, pelbagai aktiviti diadakan seperti senamrobik, nyanyian lagu negaraku dan Terbilang UMK.

PUSAT KECEMERLANGAN ECER-KPT BUKTI KEMAMPUAN UMK

PELANCARAN Pusat Kecemerlangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER); Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bukti kemampuan UMK sebagai pengupaya utama dalam menyokong perkembangan sektor-sektor seperti pertanian, pembuatan dan pelancongan.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata pemilihan UMK dalam ECER kerana kita mempunyai keupayaan terutamanya dari segi pembangunan sumber

manusia dan keupayaan penyelidikan dalam usaha untuk membangunkan ECER.

"Kepercayaan yang diberikan untuk mendokong usaha KPT dalam menyempurnakan pelan strategik ECER adalah suatu perkara yang amat dibanggakan walaupun kita masih berusia setahun jagung. "Menerusi pelancaran pusat kecemerlangan di UMK ini akan membuka mata pelbagai pihak dan masyarakat mengenai kepentingan penubuhan UMK dan seterusnya kepada objektif pembangunan ECER.

"Saya bangga dengan kepercayaan KPT yang telah memilih UMK kerana kita mempunyai kemampuan dan keupayaan serta hasrat staf kita di sini untuk sama-sama ingin melihat kejayaan ECER. Ini adalah salah satu proses pembelajaran dan pengajaran kepada kita," katanya semasa menyempurnakan Majlis Menepung Tawar Pejabat Pusat kecemerlangan ECER-KPT-UMK, di Fakulti Agro dan Sumber Asli (FASA) pada 30 Oktober 2008. Sementara itu, Dekan FASA, Prof. Dr. Ibrahim Che Omar berkata, menerusi penubuhan sekteriat ini menjadi relevan kepada UMK dalam projek dan pelaksanaan ECER. "Dengan kepakaran yang ada kita dapat membantu dimana salah satu dari matlamat utama ECER ialah untuk membasi kemiskinan menerusi pendidikan. UMK amat bertuah kerana kita adalah Universiti pertama melancarkan pusat kecemerlangan ini," katanya.



Simbolik...Prof. Ir. Dr. Zainai menyempurnakan majlis pelancaran Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UMK

ISLAM HADHARI MEMACU MODAL INSAN BERKUALITI



Pendekatan 10 Prinsip Islam Hadhari penting kepada pelajar - Haji Munir

PELAJAR Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu memahami dan menghayati 10 prinsip pendekatan Islam Hadhari dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan Modal Insan yang berjaya memacu negara ke mercu kejayaan.

Pendekatan 10 Prinsip Islam Hadhari itu ialah Keimanan dan Ketakwaan Kepada Allah; Kerajaan Yang Adil dan Beramanah; Rakyat Berjiwa Merdeka; Penguasaan Ilmu Pengetahuan; Pembangunan Ekonomi Seimbang Komprehensif; Kehidupan Berkualiti; Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita; Keutuhan Budaya dan Moral; Pemeliharaan Alam Semulajadi dan Kekuatan Pertahanan.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tuan Haji Munir Haji Md. Salleh, tujuan utama kerajaan memperkenalkan Islam Hadhari adalah supaya kita dapat membangunkan semula kefahaman umat Islam di negara ini dan orang bukan Islam.

"Pelaksanaan Islam Hadhari adalah untuk kita memahami ke arah melahirkan modal insan yang berjaya memacu negara ke mercu kejayaan dan bukannya kemusnahan serta kehancuran. Malah, ia juga sebagai suatu pendekatan kepada pembangunan manusia, masyarakat dan negara yang bersifat menyeluruh berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam."

"Yang hendak dihadharikan adalah pengikut agama bukan agama itu sendiri," jelasnya semasa menyampaikan ceramah bertajuk "Pendekatan Islam Hadhari" sempena program Minggu Mesra Mahasiswa (3M) UMK Sesi 2008/2009, di kampus UMK, Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, pada 2 Julai 2008 lalu.



Tetamu kenamaan dan hadirin semasa Majlis Kesukuran Sempena Ulangtahn Pertama UMK Beroperasi.

FAKULTI PERUBATAN VETARINAR PEMANGKIN PEMBANGUNAN UMK

DALAM memperkasakan lagi halatuju pembangunan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) satu program berteraskan Sains Perubatan Haiwan (Fakulti Perubatan Veterinar) bakal direalisasikan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B Dato' Mustapa Mohamed, berkata menerusi penubuhan Fakulti Perubatan Veterinar kita dapat mengatasi masalah kekurangan doktor haiwan kerana buat masa ini program pengajian itu hanya di tawarkan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Pada masa yang sama saya mahu ada komponen pertanian itu di Jeli dan harapan saya penubuhan Fakulti Veterinar ini menjadi kenyataan terutamanya ketika kita berhadapan dengan masalah kekurangan doktor haiwan pada masa ini."

"Saya harap impian untuk menubuhkan program ini dapat dicapai pada sesi pengajian Julai tahun hadapan dan kita akan dapat menyaksikan satu lagi fakulti baru diwujudkan iaitu Fakulti Veterinar di UMK," katanya ketika menyampaikan ucapan sebagai wakil tetamu di Majlis Kesukuran Sempena Ulangtahn Pertama UMK Beroperasi, di Dataran Usahawan, Kampus UMK, pada 5 Julai 2008 lalu. Penubuhan fakulti itu sudah diambil tindakan dan beliau sendiri akan memantau dalam proses penubuhannya.

"Insyallah, melalui pengajian Veterinar itu UMK dapat menyumbang kepada masyarakat di Kelantan dan secara tidak langsung mampu memberi impak besar dalam pembangunan besar di negeri ini," ujar beliau.

"Saya juga bangga dengan penubuhan UMK kerana orang Kelantan sudah lama mengimpikan sebuah Universiti selama ini. "Kita akan terus berusaha menjadikan UMK sebagaimana hasrat Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk melahirkan modal insan berkualiti kelas pertama bagi memacu pertumbuhan negara dan seterusnya negeri Kelantan," jelasnya.



